

24 AUG 1997

Mahathir-Ekuestrian

MAHATHIR GEMBIRA DENGAN KEMAJUAN SUKAN EKUESTRIAN

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau gembira dengan kemajuan sukan ekuestrian di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara sukan berkuda bertaraf dunia.

Beliau berkata ini dibuktikan apabila Malaysia dipilih untuk menganjurkan pertandingan Sukan Berkuda Jemputan Antarabangsa pada Februari tahun depan.

"Perkembangan kelab-kelab ekuestrian di negara ini juga meningkat, yang sudah tentu memberi lebih banyak peluang kepada golongan remaja untuk membabitkan diri dalam sukan itu," katanya pada majlis menandatangani kontrak Rakan Sukan antara Persatuan Ekuestrian Malaysia dan Ibex Corporation di Kelab Ekuestrian Bukit Kiara di sini.

Sepanjang tempoh tujuh tahun yang lalu, jumlah kelab ekuestrian di Malaysia telah meningkat dari tujuh kepada 21 kelab.

Dr Mahathir berharap menerusi program Rakan Sukan, remaja akan lebih berminat dalam menyertai aktiviti seumpama itu dan tidak menghabiskan masa berpelesiran.

Mengikut program itu, IBEX Corporation, sebuah syarikat Bumiputera yang membabitkan diri dalam elektronik, perhubungan dan pembinaan, akan menaja RM100,000 setahun untuk tempoh lima tahun bagi aktiviti EAM.

EAM diwakili presidennya, Tan Sri Musa Hitam, dan IBEX Corporation oleh pengerusinya, Datuk Yahya Abdul Jalil, pada majlis itu.

Musa berkata Malaysia merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang dipilih menjadi tuan rumah pertandingan sukan berkuda.

Pertandingan dua hari itu, yang akan diadakan di Kelab Ekuestrian Bukit Kiara dari 7 Feb tahun depan, dijangka disertai oleh 20 penunggang kuda terbaik dunia dan 35 penunggang kuda terkemuka Asia.

Mengenai cadangan Dr Mahathir supaya lebih ramai remaja membabitkan diri dalam sukan itu, Musa berkata EAM akan menggalakkan kelab-kelabnya supaya menawarkan kadar istimewa bagi pelajar dan remaja untuk mengambil bahagian dalam sukan berkuda.

Beliau juga berkata EAM akan mengadakan acara tahunannya, Karnival Piala Merdeka, pada 4 hingga 7 Sept ini di Pusat Ekuestrian Kelab Lumba Kuda Selangor.

-- BERNAMA